

BERITA HARIAN

20/7/2017 p. 46

→ Jonathan harap KL2017 ubah nasib sering tewas kepada juara Olimpik Rio

Oleh Naqib Nor Said

naqib@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Penembak negara, Jonathan Wong Guanjie sudah bersedia berdepan pencabar yang sering menjadi mimpi ngerinya iaitu Hoang Xuan Vinh dari Vietnam pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017), bulan depan.

Jonathan, 25, sering tewas kepada juara Olimpik Rio itu terutama dalam acara kegemarannya 10m Air Pistol individu, namun dilihat dapat mengubah nasibnya itu kali ini.

Ketika ini catatan semusim terbaik Jonathan adalah mengutip 580 mata pada Kejuaraan Menembak Korea Selatan, Jun lalu.

"Bagi saya cabaran yang akan ditempuh kali ini tetap sama walaupun dia (Xuan Vinh) sudah bergelar juara Olimpik sebab segala-galanya boleh berlaku ketika hari pertandingan.

"Memang saya tewas sekali lagi kepadanya pada Kejohanan SEASA (Jun lalu). Saya masih perlu meningkatkan prestasi terutama ketika berdepan dengan situasi aksi final," katanya.

Pencabar kuat

Pada Kejohanan Menembak SEASA di Subang itu, Jonathan sekadar berpuas hati di tempat kedua di belakang Xuan Vinh dalam acara 10m air pistol individu.



Namun pemenang pingat perak Sukan SEA 2015 Singapura itu kembali bangkit mengepitkan pencabarnya itu pada acara 50m air pistol.

Ia bukan kali pertama Jonathan terpaksa akur kepada penembak yang 17 tahun lebih berusia daripadanya itu selepas tewas kepada pencabar sama pada edisi Sukan SEA yang lalu.

"Apapun saya tetap tidak memandang mudah pencabar lain kerana setiap penembak mempunyai peluang yang seimbang untuk menang."

Sukan menembak yang mempertandingkan 14 acara menyaksikan Malaysia yang mempertaruhkan 20 atlet meletakkan sasaran empat pingat emas.

[FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR/BH]



Jonathan (kiri) antara sandaran skuad menembak negara pada KL2017.